




AMIR Andhar Abu Samah, anak muda dari kumpulan pelukis mural profesional yang dikenali sebagai Art Battalion melukis sebuah mural sebagai tanda penghargaan terhadap pengorbanan petugas barisan hadapan. Mural yang dilukis di bahagian hadapan bangunan Institut Jantung Negara (IJN), Jalan Tun Razak mengambil masa tujuh hari untuk disiapkan dan diharap ia dapat memberi semangat buat barisan hadapan untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi.

UNTUKMU PERWIRAKU



SEORANG anak muda dari Art Battalion, Dhiyaul Mohamad Ashraf Dawari sedang membuat kemas terakhir pada mural yang dikaryakan pada bangunan Institut Jantung Negara (IJN).



KUMPULAN pelukis mural profesional, Art Battalion menggunakan lori kren mudah alih bagi menyiapkan lukisan mural.



ANGGOTA polis dibantu tentera bertugas dalam keadaan hujan ketika melakukan sekatan jalan raya berhubung pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di Pahang di Tanjung Lumpur, semalam.



ANGGOTA polis memeriksa dokumen perjalanan penumpang bas yang melalui sekatan jalan raya (SJR) di Batu 16 Gum-Gum, Sandakan, semalam. Pihak polis meningkatkan SJR di daerah ini berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Sabah dilanjutkan sehingga 4 Februari depan.



SEORANG penggemar aktiviti berbasikal dilihat melakukan kayuhan secara berseorangan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan di sekitar Dataran Merdeka, semalam.



SEORANG jurujual Zara Humaira Service, Zikry Hakim Mahad menyusun komputer ketika tinjauan di kedai syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam. Peranti elektronik mendapat sambutan akibat Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

KEADAAN di Pantai Chenang kelihatan lengang kerana ditutup untuk semua aktiviti dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika tinjauan, semalam. PKP dilaksanakan di Kedah bermula semalam sehingga 4 Februari depan.

